

## **PERSEPSI PELAJAR TERHADAP BAHAN PEMBELAJARAN KONSEP BUDAYA DAN KOSMOLOGI MELAYU SECARA DALAM TALIAN**

*(Students' Perception of Malay Cultural and Cosmological Concepts Online Learning Materials)*

SALIZA ISMAIL\*, NORHAZLINA HUSIN, NOR AZITA CHE DIN, MIDİYANA  
MOHAMAD & SRI QAMARIAH MOHD SAMSIR

### **ABSTRAK**

*Bahan pembelajaran yang bersesuaian dalam pembelajaran secara dalam talian adalah satu keperluan yang tidak boleh dinafikan. Pembelajaran bahasa secara dalam talian perlu mengambil kira bahan pembelajaran kerana ia membantu pembelajaran. Kajian berkaitan bahan pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian masih belum dijalankan oleh mana-mana pengkaji. Bahan pembelajaran yang mudah dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja terbukti menjadi satu kelebihan dalam pembelajaran secara dalam talian. Sehubungan itu, satu kajian yang menganalisis persepsi pelajar terhadap keperluan bahan pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian telah dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bersedia untuk berkomunikasi secara dalam talian dengan pensyarah dan rakan-rakan sekiranya mereka tidak memahami konsep Budaya dan Kosmologi Melayu yang dipelajari. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menganalisis maklum balas 169 orang responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju dan bersetuju bahan pembelajaran secara dalam talian perlu dibangunkan bagi memudahkan pembelajaran dan pemahaman mereka terhadap konsep Budaya dan Kosmologi Melayu. Dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar bersedia menggunakan bahan pembelajaran tambahan sekiranya disediakan. Diharapkan kajian ini dapat membantu dalam membangunkan bahan pembelajaran secara dalam talian yang boleh memudahkan pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.*

*Kata Kunci: Persepsi; Pembelajaran dalam talian; Konsep budaya dan kosmologi Melayu; Bahan pembelajaran*

### **ABSTRACT**

*It is undeniable that online learning requires suitable learning materials. Language learning has to consider learning materials because they can facilitate online learning. There is still insufficient research on online learning materials conducted pertaining to Malay Culture and Cosmology concepts. The ease of access to educational materials and the ability to choose the time and place to study are the strongest advantages of online learning materials. Hence, a study on the students' perception of the need for online learning materials on Malay cultures and cosmology concepts has been conducted. Findings show that the students are willing to communicate with their lecturers and friends online should they fail to grasp the concept of Malay Culture and Cosmology*

*learnt. This quantitative study analyses responses from 169 respondents. Findings show that respondents strongly agree and agree that online learning materials developed are able to assist them in their learning and understanding of the concept of Malay cultures and cosmology. Findings also indicate that the respondents are willing to utilise the online learning materials should they be produced. This research hopes to contribute to the development of online learning materials that serve to assist in the process of teaching and learning Malay Culture and Cosmological concepts.*

*Keywords: Perception online learning; Concept of Malay Culture and Cosmology; Learning materials*

## PENDAHULUAN

Pembelajaran secara dalam talian ditakrifkan sebagai pembelajaran merentasi pelbagai konteks, melalui interaksi sosial dan kandungan dengan menggunakan peranti mudah alih di pelbagai lokasi pada bila-bila masa. Teknologi pembelajaran ini merangkumi penggunaan komputer bimbit (*Personal Device Assistant PDA*), pemain MP3, komputer riba, telefon bimbit pintar dan tablet (Athirah 2017). Jemson et al. (2019) menjelaskan bahawa perubahan yang sangat ketara dalam teknologi mudah alih, telah menggalakkan kaedah pembelajaran baharu ini. Melalui kemudahan yang ada pada peranti mudah alih tersebut, pelajar boleh melaksanakan pembelajaran mereka di mana-mana sahaja (Yasmin 2020). Selain itu, pembelajaran dalam talian juga merupakan ruang untuk belajar tanpa membataskan capaian maklumat serta tidak memerlukan infrastruktur fizikal (Mahizer 2006). Situasi ini memberi peluang yang luas kepada pelajar untuk mendapatkan bahan pembelajaran dengan mudah.

Dalam meneliti konteks bahan pembelajaran dalam talian menunjukkan bahawa keperluan setiap subjek adalah tidak sama dan memerlukan penumpuan yang berlainan, khususnya bidang budaya. Budaya juga sering dikaitkan dengan kosmologi yang bermaksud sains yang mengkaji komposisi, evolusi dan sifat alam semesta untuk memahami asal usul, evolusi dan segala yang berkaitan dengan aktiviti harian. Kedua-dua, budaya dan kosmologi dipelajari oleh kebanyakan masyarakat di dunia termasuk masyarakat Melayu. Budaya dan Kosmologi Melayu merupakan suatu ilmu yang meneroka unsur budaya dalam masyarakat Melayu. Budaya dan kosmologi merupakan konsep yang sering kali dianggap sukar untuk dipelajari dan difahami. Selaras dengan pandangan Barker (2012) yang menjelaskan bahawa usaha memahami pendefinisian istilah budaya membawa kepada pelbagai tafsiran bergantung kepada cara pemikiran seseorang. Hal ini kerana kedua-duanya sukar untuk digambarkan secara fizikal. Apatah lagi dalam situasi pembelajaran hari ini. Pandemik COVID-19 telah banyak mengubah corak pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam tempoh tiga tahun ke belakang. Kaedah pembelajaran lebih menekankan kepada aspek mobiliti, iaitu keupayaan pengguna untuk memudahalihkan proses pembelajaran tanpa terikat dengan fizikal sesebuah kelas (Tengku Sarina Aini & Nur Atikah 2021). Pembelajaran dalam talian ada ketikanya lebih menyukarkan pelajar untuk mempelajari dan memahami budaya dan kosmologi jika tiada bahan pembelajaran yang bersesuaian.

Justeru, penggunaan bahan pembelajaran yang direka khas untuk membantu para pelajar penting dalam menjayakan pembelajaran dalam talian. Pada masa yang sama, pembangunan bahan pembelajaran juga perlu dianalisis terlebih dahulu keperluannya agar pembangunannya dapat meningkatkan lagi pemahaman pelajar tentang konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.

Sehubungan itu, satu kajian yang menganalisis persepsi pelajar terhadap bahan pembelajaran dan keperluan bahan pembelajaran dalam talian telah dijalankan. Apakah persepsi pelajar terhadap keperluan bahan pembelajaran secara dalam talian? Adakah bahan pembelajaran secara dalam talian membantu pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu? Oleh itu, objektif kajian ini adalah menganalisis persepsi pelajar terhadap bahan pembelajaran dalam talian dan keperluan bahan pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu dalam talian.

Jika diteliti kajian-kajian yang telah dibuat berkaitan pembelajaran dalam talian lebih terarah kepada persepsi para pelajar terhadap pembelajaran dalam talian. Hal ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran sebelum ini menggunakan kaedah bersemuka yang melibatkan kelas fizikal meskipun pengajar tidak lagi menggunakan kapur dan papan hitam. Perubahan dari aspek fizikal memerlukan penelitian aspek penerimaan atau persepsi para pelajar kepada cara pembelajaran dalam talian. Bukan semua pelajar bersedia dengan alat peranti dan juga data Internet. Kajian Jamilah dan Shukeri (2021); Ahmad Zubir et al. (2021); Norhazlina et al. (2021) dan Nurulhuda et al. (2017) mendapati bahawa majoriti pelajar bersetuju menerima dan menggunakan pembelajaran dalam talian sebagai suatu norma baharu. Ditambah juga dengan aspek kemahiran para pensyarah sebagai pereka bentuk pengajaran dan penilaian berkala sebagai penambahbaikan. Aspek kandungan yang berkualiti, meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, mengurangkan kos dan penyampaian, dan proses percambahan ilmu berlaku pada bila-bila masa serta di mana-mana juga merupakan perkara yang diambil kira.

Seterusnya, penelitian terhadap kajian-kajian penggunaan bahan pembelajaran menunjukkan kepentingan penyediaan bahan pembelajaran yang bersesuaian kerana ia dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran. Meskipun, pembelajaran secara dalam talian merupakan kaedah yang mengikut perkembangan teknologi mudah alih dan Internet, namun penyediaan dan penggunaan bahan pembelajaran sama ada menerusi aplikasi atau bahan lain juga perlu ditumpukan oleh para pengajar. Hal ini kerana tanpa bahan pembelajaran yang berkesan, para pelajar tidak mampu menguasai subjek yang dipelajari. Kajian Zarlina et al. (2012) serta kajian oleh Nuryansyah dan Ratih (2017) yang mendapati pelajar berhadapan dengan masalah apabila berhadapan dengan carian maklumat daripada laman web sedia ada ataupun secara rawak. Pelajar sukar memahami arahan dan kadang kala berlaku kekeliruan serta salah faham terhadap maklumat tersebut. Perkara ini menimbulkan masalah kerana pelajar perlu mencari penyelesaian sendiri dalam memahami bahan yang digunakan. Selain itu, pemilihan bahan yang bersesuaian juga penting supaya pelajar tidak membuang masa dalam pencarian bahan dan penetapan bahan secara dalam talian. Manakala kajian Norhayati et al. (2013) serta kajian oleh Yap dan Tay (2014) menjurus kepada penggunaan aplikasi berbentuk animasi dan WeChat dalam m-pembelajaran. Jika dilihat, penggunaan aplikasi animasi yang direka bentuk mengikut objektif pengajaran dan pembelajaran dan juga aplikasi media sosial, WeChat banyak memberikan kesan positif kepada pelajar. Hal ini kerana pelajar-pelajar bukan sahaja dapat melibatkan diri secara aktif tetapi dapat pemahaman, motivasi dan tumpuan pelajar juga turut meningkat.

Selain itu, kajian Wan Noor Hazlina et al. (2019) memilih video-video yang berkaitan topik pengajaran dalam kajian bahan pembelajaran secara dalam talian. Pandangan berkaitan kelebihan penggunaan video sebagai bahan bantu mengajar yang interaktif turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Nur Fatin Shamimi et al. (2021). Penggunaan bahan-bahan multimedia yang interaktif seperti video, audio, grafik dan animasi dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 ini memberi persepsi yang positif kepada para pelajar kerana dapat membantu mereka lebih fokus dan lebih aktif dalam kelas berbanding dengan penggunaan teks yang hanya bersifat deskriptif.

Berdasarkan penelitian kajian-kajian lepas, penerimaan para pelajar terhadap pembelajaran dalam talian dan bahan pembelajaran yang melibatkan penggunaan aplikasi jelas menunjukkan kesan yang positif. Namun, tumpuan perlu juga dilihat melalui subjek yang dipelajari. Untuk menyatakan dapatan yang positif ini sebagai suatu generalisasi khususnya bahan pembelajaran bagi semua subjek tanpa menelitinya secara mendalam boleh memberi kesan yang buruk kepada pelajar tanpa kita sedari. Oleh itu, pembinaan bahan pembelajaran yang bersesuaian amat penting bagi keperluan pelajar.

## METODOLOGI

Kajian secara kuantitatif ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap keperluan bahan pembelajaran secara dalam talian bagi membantu pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu untuk kursus BMP447: Budaya dan Kosmologi Melayu. Dalam kajian ini, satu set borang soal selidik berskala 1 hingga 5 telah diberikan kepada 184 orang responden yang berada di Semester 1, Semester 2 dan Semester 3. Setiap skala mewakili tahap yang berbeza; Skala 1 - Sangat Tidak Bersetuju (STB), Skala 2 - Tidak Bersetuju (TB), Skala 3 - Sederhana Setuju (SS), Skala 4 - Bersetuju (B) dan Skala 5 - Sangat Bersetuju (SB).

Dapatan bagi kajian ini dianalisis daripada maklum balas soal selidik yang diberikan kepada 169 orang responden yang menjawab secara dalam talian. 139 orang responden kajian ini adalah responden perempuan manakala 30 orang responden lagi adalah lelaki. Seramai 155 orang daripada semua responden yang terlibat dalam soal selidik ini merupakan pelajar yang telah mengikuti kursus Budaya dan Kosmologi Melayu (BMP447) manakala selebihnya seramai 14 orang belum pernah mengikuti kursus tersebut.

## HASIL DAPATAN

Hasil dapatan kajian yang dikemukakan adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian, iaitu Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Pembelajaran Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.

JADUAL 1: Kekerapan dan Peratusan Persepsi Pelajar Terhadap Keperluan Bahan Pembelajaran Tambahan dalam Pembelajaran Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara dalam Talian

Bil.	Pernyataan	Kekerapan dan Peratusan (%)				
		1 (STB)	2 (TB)	3 (SS)	4 (B)	5 (SB)
1.	Saya seronok belajar konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian.	0	6 (13.6)	30 (17.8)	76 (45)	57 (33.7)
2.	Saya memerlukan bahan pembelajaran tambahan untuk memahami konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.	0	1 (0.6)	31 (18.3)	77 (45.6)	60 (35.5)

3.	Saya memerlukan bahan pembelajaran berkaitan konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian yang mudah dicapai pada bila-bila masa.	0	0	18 (10.7)	75 (44.4)	76 (45)
4.	Saya memerlukan bahan pembelajaran berkaitan konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian yang mudah dicapai di mana-mana sahaja.	0	1 (0.6)	17 (10.1)	73 (43.2)	78 (46.2)
5.	Saya memerlukan bahan pembelajaran berkaitan konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian yang komprehensif.	0	0	20 (11.8)	80 (47.3)	69 (40.8)
6.	Saya gembira sekiranya bahan pembelajaran yang menerangkan konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian disediakan.	0	0	17 (10.1)	67 (39.6)	85 (50.3)

Jadual 1 menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar bersetuju dengan pernyataan bahawa *Saya Seronok Belajar Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara dalam Talian*. Pernyataan ini menunjukkan bahawa seramai 76 orang (45%) bersetuju dan seramai 57 orang (33.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 30 orang (17.8%) pelajar menyatakan sederhana setuju dan hanya enam orang (13.6%) menyatakan tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar, iaitu 78.7% berminat dengan pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian.

Bagi pernyataan kedua, *Saya Memerlukan Bahan Pembelajaran Tambahan untuk Memahami Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu* menunjukkan seramai 60 orang pelajar (35.5%) menyatakan sangat bersetuju, 77 orang (45.6%) bersetuju dan 31 orang (18.3%) menyatakan sederhana setuju. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar iaitu 81.1% memerlukan maklumat tambahan secara dalam talian bagi membantu mereka menguasai konsep Budaya dan Kosmologi Melayu ini. Hanya seorang pelajar (0.6%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan yang ketiga, *Saya memerlukan Bahan Pembelajaran Berkaitan Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara Dalam Talian yang Mudah Dicapai Pada Bila-bila Masa* menunjukkan seramai 76 orang pelajar (45%) sangat bersetuju, 75 orang pelajar (44.4%) bersetuju dan hanya seramai 18 orang pelajar (10.7%) sederhana setuju. Pernyataan ini mencatatkan skor tertinggi kerana pelajar memerlukan bahan pembelajaran yang mudah dicapai tanpa batasan masa.

Seterusnya, bagi pernyataan keempat, *Saya Memerlukan Bahan Pembelajaran Berkaitan Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara dalam Talian yang Mudah Dicapai di Mana-mana Sahaja* menunjukkan seramai 78 orang pelajar (46.2%) sangat bersetuju, 73 orang pelajar (43.2%) bersetuju dan 17 orang pelajar (10.1%) menyatakan sederhana setuju. Hal ini menunjukkan bahawa bahan pembelajaran yang mudah dicapai menjadi pilihan para pelajar. Hanya seorang pelajar (0.6%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Para pelajar juga bersetuju dengan pernyataan kelima, *Saya Memerlukan Bahan Pembelajaran Berkaitan Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara Dalam Talian yang Komprehensif*. Analisis menunjukkan seramai 69 orang pelajar (40.8%) sangat bersetuju, 80 orang pelajar (47.3%) bersetuju manakala 20 orang pelajar (11.8%) menyatakan sederhana setuju. Pernyataan kelima mencatat skor tertinggi, iaitu 99.9% kerana para pelajar memerlukan bahan pembelajaran dalam talian yang lengkap untuk mengukuhkan proses pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.

Bagi pernyataan akhir, *Saya Gembira Sekiranya Bahan Pembelajaran yang Menerangkan Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara dalam Talian Disediakan*, statistik menunjukkan seramai 85 orang pelajar (50.3%) sangat bersetuju, 67 orang pelajar (39.6%) bersetuju dan 17 orang pelajar (10.1%) sederhana setuju. Dalam situasi pembelajaran yang terkesan dengan pandemik COVID-19 sekarang, keperluan kepada kaedah dan bahan pembelajaran secara dalam talian menjadi sangat penting sama ada kepada pelajar mahupun pensyarah. Hal ini bagi memastikan proses pembelajaran secara formal dan tidak formal dalam kalangan pelajar tetap berlangsung walaupun kelas dan pertemuan secara fizikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan.

JADUAL 2: Kekerapan dan Peratusan Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Pembelajaran Secara dalam Talian Membantu dalam Pembelajaran Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara dalam Talian

Bil.	Pernyataan	Kekerapan dan Peratusan (%)				
		1 (STB)	2 (TB)	3 (SS)	4 (B)	5 (SB)
1.	Sumber berkaitan konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian sudah mencukupi.	6 (3.6)	20 (11.8)	72 (42.6)	47 (27.8)	24 (14.2)
2.	Bahan pembelajaran secara dalam talian yang disediakan akan memudahkan saya memahami konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.	0	2 (1.2)	21 (12.4)	70 (41.4)	76 (45)
3.	Bahan pembelajaran berkaitan konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian yang disediakan akan membantu saya membuat persiapan sebelum kelas.	0	1 (0.6)	22 (13)	64 (37.9)	82 (48.5)
4.	Saya akan menggunakan bahan pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah.	0	0	12 (17.1)	66 (39.1)	91 (53.8)

Jadual 2 menunjukkan bahawa sebahagian pelajar bersetuju dengan pernyataan *Sumber Berkaitan Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara dalam Talian Sudah Mencukupi*, iaitu seramai 72 orang (42.6%) menyatakan sederhana setuju diikuti dengan bersetuju seramai 47 orang (27.8%) dan sangat bersetuju seramai 24 orang (14.2%). Manakala jumlah pelajar tidak bersetuju ialah seramai 20 orang (11.8%) dan sangat tidak bersetuju seramai enam orang (3.6%). Statistik ini menunjukkan bahawa sumber dalam talian masih kurang dan mereka memerlukan bahan pembelajaran untuk memahami konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.

Bagi pernyataan *Bahan Pembelajaran Secara dalam Talian yang Disediakan akan Memudahkan Saya Memahami Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu* mencatatkan seramai 76 orang pelajar (45%) sangat bersetuju diikuti dengan bersetuju seramai 70 orang (41.4%) dan sederhana setuju seramai 21 orang (12.4%). Hanya dua orang pelajar (1.2%) menyatakan tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Statistik ini menunjukkan bahawa pelajar memerlukan bahan pembelajaran secara dalam talian serta mudah alih bagi memudahkan pemahaman mereka.

Seterusnya, pernyataan *Bahan Pembelajaran Berkaitan Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu Secara dalam Talian yang Disediakan akan Membantu Saya Membuat Persiapan Sebelum Kelas* mencatatkan seramai 82 orang pelajar (48.5%) sangat bersetuju, 64 orang (37.9%) bersetuju dan 22 orang (13%) menyatakan sederhana setuju. Hanya seorang pelajar (0.6%) menyatakan tidak

bersetuju dengan kenyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar gembira sekiranya bahan pembelajaran dalam talian disediakan kerana mereka boleh membuat persediaan sebelum kelas bermula dan ketika sesi kuliah berlangsung.

Pernyataan akhir berbunyi *Saya akan Menggunakan Bahan Pembelajaran dalam Talian yang disediakan oleh Pensyarah*, menunjukkan kebanyakan pelajar sangat bersetuju, iaitu seramai 91 orang (53.8%), diikuti dengan bersetuju seramai 66 orang (39.1%) dan sederhana setuju seramai 12 orang (7.1%). Hal ini berlaku kerana para pelajar sangat mengharapkan bahan pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah kerana ada maklumat yang sukar untuk mereka peroleh. Dapatan ini menunjukkan bahawa para pelajar memerlukan maklumat bukan sekadar yang ada di Internet semata-mata, malah lebih daripada itu.

## PERBINCANGAN

Dapatan daripada kaji selidik menunjukkan bahawa pelajar amat gembira mempelajari konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian. Pembelajaran secara dalam talian yang fleksibel membolehkan pelajar mengikuti pembelajaran berdasarkan keselesaan dan kesesuaian masing-masing kerana ia boleh berlaku di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Hal ini secara tidak langsung membolehkan pelajar menghubungi pensyarah (Yasmin 2020) untuk bertanya sekiranya mereka tidak memahami konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.

Setiap budaya mengalami perubahan dari semasa ke semasa mengikut keadaan (Rohana 2010). Proses pengajaran dan pembelajaran budaya juga perlu fleksibel dan tidak terhad kepada ruang dan bahan yang bersifat fizikal semata-mata. Satu daripada aspek penting dalam pembelajaran secara dalam talian ialah bahan pembelajaran yang dapat menyokong pembelajaran pelajar. Oleh itu, dalam konteks pembelajaran hari ini, bahan pembelajaran secara dalam talian dilihat dapat membantu pelajar melalui proses pembelajaran dengan lebih terbuka dan mudah selain mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih realistik, interaktif, menarik dan berkesan (Noradilah et al. 2020). Begitu juga halnya dengan pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu.

Maklum balas responden menunjukkan 81.1% responden sangat bersetuju dan bersetuju bahawa mereka memerlukan bahan pembelajaran tambahan untuk memahami konsep Budaya dan Kosmologi Melayu. Dapatan juga menunjukkan 89.4% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa mereka memerlukan bahan pembelajaran tambahan yang boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (89.4%).

Keperluan bahan pembelajaran tambahan yang komprehensif bukan bermakna kualiti pengajaran oleh pensyarah adalah rendah. Namun kekangan dan situasi pembelajaran hari ini kadangkala menyukarkan pembelajaran. Oleh itu, bahan pembelajaran secara dalam talian dapat membantu pelajar membuat persediaan awal sebelum ke kelas. Dalam konteks ini bahan pembelajaran tambahan yang disediakan dapat membantu pelajar melakukan aktiviti pengayaan secara sendiri pada waktu terluang (Aliff et al. 2014). Secara tidak langsung pencarian maklumat, bahan dan penguasaan ilmu dalam sesuatu bidang tetap berlangsung dalam memastikan proses pembelajaran berlaku secara berterusan.

Berdasarkan maklum balas responden, adalah dirasakan perlu untuk dibangunkan bahan pembelajaran khusus untuk memudahkan pembelajaran konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara dalam talian. Pembangunan Kamus Mini Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu (KaBuKos) sebagai bahan pembelajaran untuk kursus BMP447 diharapkan dapat membantu pelajar. Kamus mini ini menggunakan kod QR yang memperkenalkan konsep-konsep dalam

pembelajaran Budaya dan Kosmologi Melayu. Kamus ini juga menerangkan konsep Budaya dan Kosmologi Melayu secara ringkas dan komprehensif. KaBuKos mempunyai kelebihannya tersendiri. Kamus mini yang boleh dicapai secara dalam talian ini memudahkan para pelajar memahami makna konsep budaya melalui teknologi QR dan sangat fleksibel. Penyediaan kamus mini ini tidak memerlukan kos yang tinggi dan boleh digunakan dalam pembelajaran sepanjang hayat.

## KESIMPULAN

Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan, bahan pembelajaran tambahan yang bersesuaian dengan kursus Budaya dan Kosmologi Melayu diperlukan untuk menyokong pembelajaran dalam talian. Penggunaan bahan pembelajaran ini bertujuan untuk membantu pelajar dan memudahkan capaian maklumat pembelajaran di mana-mana sahaja tanpa mengira masa. Selain itu, penyediaan bahan pembelajaran secara dalam talian yang bersifat khusus, terarah dan komprehensif dapat memberikan kelebihan kepada pelajar. Bahan pembelajaran tambahan ini juga dapat menarik minat dan memudahkan proses pembelajaran pelajar. Dalam konteks kajian ini, pembangunan Kamus Mini Konsep Budaya dan Kosmologi Melayu menggunakan kod QR ialah jawapan kepada keperluan bahan yang menyediakan kemudahan pembelajaran sepanjang hayat, murah dan mudah diakses menjadi ciri yang penting dalam pembelajaran secara dalam talian.

## PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini terutamanya responden kajian.

## RUJUKAN

- Ahmad Zubir Rosdi, Syed Najihuddin Syed Hassan & Mohammad Shiham Mahfuz. 2021. Penerimaan Pelajar dan Penggunaan M-Pembelajaran Terhadap Pengajian, *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5(6):100-112. [https://doi.org/10.33102-jqss.vol5no1.103](https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.103).
- AliffNawi, Mohd Isa Hamzah & Surina Akmal Abd Sattai. 2014. Tahap Penerimaan Penggunaan Telefon Bimbit Sebagai M-Pembelajaran dalam Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(1):1-10 [https://www.academia.edu/7490297/Tahap\\_Penerimaan\\_Penggunaan\\_Telefon\\_Bimbit\\_Sebagai\\_M\\_Pembelajaran\\_dalam\\_Pendidikan\\_Islam](https://www.academia.edu/7490297/Tahap_Penerimaan_Penggunaan_Telefon_Bimbit_Sebagai_M_Pembelajaran_dalam_Pendidikan_Islam)
- Athirah Md Desa 2017. Kelebihan M-Pembelajaran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. <https://athirahmddesa.weebly.com/pelajar/kelebihan-m-pembelajaran> (Accessed on 1 July 2022)
- Baker, C. 2012. *Cultural Studies, Edition, 4*. Publisher, SAGE: London.
- Jemson, D.J., Sabariah Sharif & Soon Singh A/L Bikar Singh. 2019. Penerimaan Penggunaan *Mobile Learning* di kalangan Pelajar Tingkatan 6 dalam Mata Pelajaran Geografi. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/282/195> (Access on 1 July 2022)



- Jamilah Hussain & Shukeri Mohamad Ros. 2021. A study on the use of E-Learning among students in the department of trade Polytechnic Tuanku Syed Sirajuddin. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling* 6 (38): 66-79, <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPc-2021-38-03-07.pdf>
- Mahizer Hamzah. 2006. M-Pembelajaran: Era Baru dalam Pembelajaran. [https://www.academia.edu/5395477/M\\_Pembelajaran\\_Era\\_Baru\\_dal-am\\_Pe\\_mbelajaran](https://www.academia.edu/5395477/M_Pembelajaran_Era_Baru_dal-am_Pe_mbelajaran) (Accessed on 1<sup>st</sup> July 2022)
- Noradilah Abdul Wahab, Najmi Muhammad & Mohd. Sani Ismail. 2020. Analisis keberkesanan penggunaan ict dalam mendepani gelombang Revolusi Industri 4.0 dalam kalangan pelajar di Negeri Terengganu, Malaysia. *Asian People Journal* 3(1): 101-109
- Norhazlina Husin, Saliza Ismail, Midiyana Mohamad, Nor Azita Che Din, Sri Qamariah Mohd Samsir, Noor Hanim Rahmat. 2021. Learning Malay cultures and cosmology online using Kabukos: What do the learners need? *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(11): 1133 – 1153.
- Nurulhuda Salim, Norfadzliah Mohamad Yatim & Hazlan Asiz. 2017. M-Pembelajaran: kesediaan pelajar KKBBM terhadap era baru medium pembelajaran. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)*. [https://www.academia.edu/33131849/M\\_PEMBELAJARAN\\_KESEDIAAN\\_PELAJAR\\_KKBBM\\_TERHADAP\\_ERA\\_BARU\\_MEDIUM\\_PEMBELAJARAN](https://www.academia.edu/33131849/M_PEMBELAJARAN_KESEDIAAN_PELAJAR_KKBBM_TERHADAP_ERA_BARU_MEDIUM_PEMBELAJARAN) (Accessed on 1<sup>st</sup> July 2022)
- Norhayati Che Hata, Shaferul Hafes Sha'aria & Mohd Fauzi Abdul Hamid. 2013. persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 63(1):25–29. <https://journals.utm.my/jurnalteknologi/article/view/16-83/1469>
- Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari & Kesavan Nallaluthan. 2021. Persepsi pelajar terhadap aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners* 6(1): 15-24. DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.01.003>
- Nuryansyah Adijaya & Ratih Pertiwi. 2017. Students' Perceptions Toward Learning Materials Used In Online Learning. The 4th UAD TEFL International Conference, UAD Yogyakarta 2017, 416 - 420. <https://doi.org/10.12928/utic.v1.195.2017>
- Rohana Yusuf. 2010. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Nur Atikah Miasan. 2021. *Pengaplikasian M-Pembelajaran dalam Situasi Pandemik Covid-19: Konsep dan Komponen*. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1212>
- Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Ruhaizah Abd Ghani, Nor Adila Mohd Noor, Azarudin Awang & Noor Hasyimah Sulaiman. 2019. Persepsi pelajar terhadap penggunaan video dan padlet (PVDP) dalam pengajaran dan pembelajaran subjek pemikiran dan tamadun Islam. *e-Academia Journal*. 8(2): 1-7. Retrieved from: <https://e-ajuitmct.uitm.edu.my/v2/images/Vol8Issue2/Page-1-7>
- Yap Chin Huat & Tay Yong Choo. 2014. Penggunaan WeChat dalam pembelajaran dan pengajaran kursus pengajaran kurikulum bahasa cina pelajar PISMP. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPGKBL*. 8: 37- 48. <https://edup-2083.blogspot.com/2019/07/konsep-dan-jenis-jenis-pembelajaran.html>
- Yasmin Saw. 2020. *Pembelajaran dalam talian pada masa krisis Covid-19*. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/238042> (Accessed on 26<sup>th</sup> June 2020)

Zarlina Mohd Zamari, Airil Haimi Mohd Adnan, Sheema Liza Idris, Johana Yusof. 2012. Students' Perception of using Online Language Learning Materials. *Procedia - Social and Behavioural Sciences* 67: 611-620. <https://doi.org/10.1016/j.sbspr-o.2012.11.367>

SALIZA ISMAIL \*

Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam,  
Selangor, MALAYSIA

NORHAZLINA HUSIN

Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam,  
Selangor, MALAYSIA

NOR AZITA CHE DIN

Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam,  
Selangor, MALAYSIA

MIDIYANA MOHAMAD

Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam,  
Selangor, MALAYSIA

SRI QAMARIAH MOHD SAMSIR

Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam,  
Selangor, MALAYSIA

\*Pengarang untuk surat menyurat: [salizai@uitm.edu.my](mailto:salizai@uitm.edu.my)

Received: 9 September 2022 / Accepted: 26 September 2022 / Published: 9 December 2022